

NO SOALAN :42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2018

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) kadar pemotongan subsidi bahan mentah dan bahan asas masakan sejak tahun 2012 hingga 2017, serta adakah pemotongan subsidi merupakan faktor kepada kenaikan kadar inflasi ; dan
- (b) senarai pengembalian hasil cukai GST dalam bentuk subsidi.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

- a) Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi sebagai salah satu langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) bagi mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi

yang bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan. Pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi dapat meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap. Ketirisan perbelanjaan Kerajaan dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barang bersubsidi oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah subsidi bahan api dan keperluan asas yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan untuk 2012 dan 2017 adalah seperti berikut:

Subsidi (RM juta)	2012	2017P
Petrol/Diesel/LPG	24,726	3,123
Minyak masak	1,459	692
Gula	479	-
Harga Beras	506	-
Tepung	154	44

Kerajaan telah mula melaksanakan rasionalisasi subsidi sejak tahun 2013, di mana langkah ini dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan.

Penjimatan yang diperoleh Kerajaan Persekutuan melalui penghapusan subsidi gula adalah sebanyak kira-kira RM300 juta pada tahun 2014, manakala penjimatan melalui rasionalisasi subsidi bahan api pula adalah berjumlah kira-kira RM16 bilion pada tahun 2015. Sebahagian daripada penjimatan tersebut disalurkan semula secara terus kepada golongan berpendapatan rendah (golongan sasar) dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M dan bantuan persekolahan, manakala sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam. Di samping itu, Kerajaan terus menyediakan insentif bagi meningkatkan pengeluaran produk pertanian seperti padi dan getah serta perikanan yang turut memberi manfaat kepada

golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang diPertua,

Walaupun kadar inflasi meningkat kepada 3.7% pada tahun 2017 jika dibandingkan dengan kadar 1.6% yang dicatatkan pada tahun 2012, namun, adalah kurang tepat jika peningkatan harga barang dikaitkan dengan kenaikan harga runcit petrol dan diesel serta langkah rasionalisasi subsidi. Hal ini kerana terdapat banyak faktor yang menentukan harga jualan barang dan perkhidmatan, khususnya penyediaan makanan di sebuah premis. Antaranya adalah kos sewaan premis, upah pekerja, kos bahan mentah, kemudahan seperti penghawa dingin, skrin layar besar dan hiasan dalaman premis. Kos ini adalah berbeza di antara satu lokasi dengan lokasi yang lain dan tidak bergantung semata-mata kepada kos bahan mentah dan bahan api seperti gas memasak di mana harga makanan didapati tidak turun apabila harga runcit bahan api berkurang.

Tuan Yang diPertua,

- (b) Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) pada 1 April

2015 adalah sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kecekapan kutipan hasil, mempelbagaikan sumber hasil negara khususnya hasil cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi, khususnya petroleum. Dengan pelaksanaannya, kutipan hasil GST pada tahun 2015 yang berjumlah RM27 bilion telah meningkat kepada RM41.2 bilion pada tahun 2016 dan RM44.3 bilion pada tahun 2017. Jumlah hasil sebanyak RM44.3 bilion ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil Disatukan dan disalurkan semula bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan di mana perbelanjaan ini merangkumi pemberian subsidi dan bantuan sosial. Selain itu, kutipan hasil GST ini telah dapat mengimbangi pengurangan hasil berkaitan petroleum berikutan kejatuhan harga minyak mentah global sejak tahun 2014. Oleh itu, Kerajaan telah dapat mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum dengan peratusan kepada keseluruhan hasil telah berkurang daripada 41.3% pada 2009 kepada 15.7% pada 2017.

Kedudukan hasil GST ini telah memberi keupayaan kepada Kerajaan untuk meneruskan usaha konsolidasi fiskal bagi memastikan kemapanan fiskal jangka panjang negara. Kemapanan fiskal adalah penting bagi mengekalkan daya tahan ekonomi negara, mewujudkan ruang fiskal (*fiscal space*) untuk melaksanakan program dan projek pembangunan, seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat.